

# BUDAYA BERKORBAN UNTUK NEGARA

UTUSAN MALAYSIA  
13/9/2016 p. 11



**NOOR MOHAMAD  
SHAKIL HAMEED**

**U**MAT Islam negara ini sekali lagi dapat menyambut Hari Raya Aidiladha dalam suasana tenang, aman dan selamat berbanding pelbagai pergolakan yang menimpa saudara seagama di negara-negara Islam lain. Peristiwa pengebom berani mati, perang saudara, kerakusan dan kezaliman kumpulan militan Daesh serta pelbagai sekatan dan halangan yang dilalui oleh penduduk beragama Islam terutamanya di negara Barat dilihat terus mewarnai kisah pahit maung kehidupan umat Islam secara keseluruhannya.

Sebaliknya, kita di Malaysia masih menikmati kehidupan yang tenteram berbanding persekitaran dan suasana kehidupan rakyat di kebanyakan negara Islam terutamanya di Asia Barat yang kacau-bilau. Dalam hal ini, pergolakan politik, pergaduhan dan persengketaan antara etnik dan agama yang membawa kepada pertumpahan darah dan usaha pembersihan sesuatu etnik (*ethnic cleansing*) serta pembunuhan beramai-ramai umat Islam dengan kejam di beberapa negara luar sewajarnya menginsafkan kita betapa penting dan tinggi nilainya erti sebuah perpaduan, keamanan dan kestabilan.

Hakikatnya apa yang ada pada hari ini tidak datang bergolek. Bukan sedikit detik penyiksaan, kesusahan dan pengorbanan yang terpaksa dilalui dan dilakukan oleh nenek moyang kita suatu ketika dahulu demi membentuk dan mewujudkan sebuah negara berbilang bangsa seperti yang ada pada ketika ini.

Maka bersempena dengan Hari Raya Aidiladha atau lebih sinonim dengan panggilan Hari Raya Korban ini seluruh rakyat



**RAKYAT** negara ini perlu bersyukur dengan nikmat keamanan yang dikecapi berbanding beberapa negara lain yang kini bergolak akibat persengketaan seperti yang berlaku di Syria. - GAMBAR HIASAN/ AFP / SANA / HO

Malaysia perlu mensyukuri segala nikmat yang ada pada hari ini. Bagi umat Islam, Hari Raya Korban mempunyai nilai signifikan yang cukup tinggi yang memperlihatkan nilai-nilai pengorbanan, keikhlasan dan kesanggupan terpuji yang perlu dihayati dan dimiliki oleh setiap individu Muslim.

Namun demikian konsep pengorbanan ini sebenarnya juga amat signifikan dan perlu dihayati oleh semua rakyat negara ini dalam konteks Malaysia sebagai sebuah negara yang berbilang agama dan bangsa. Apa yang jelas ketika ini, rakyat negara ini bukanlah berhadapan dengan ancaman dan musuh dari luar seperti komunis dan penjajah yang telah ditentang oleh nenek moyang kita suatu ketika dahulu terutamanya dalam usaha untuk menuntut kebebasan dan kemerdekaan sebaliknya sedang berhadapan dengan segelintir rakyat sendiri yang begitu mudah lupa tentang asas pembentukan negara ini.

Lantas tindak tanduk mereka ini sering mengancam dan mencabar kedaulatan undang-undang

serta jambatan perpaduan yang ada. Ancaman bersifat dalaman ini dilihat semakin hari semakin memuncak, merebak dan mula mencetuskan pelbagai polemik, konflik dan situasi tegang sesama rakyat negara ini. Ancaman ini jika dibiarkan berleluasa dikhawatiri boleh menghancurkan segala apa yang telah kita bina, pertahankan dan nikmati sekian lama.

Antara isu yang menjadi ancaman mutakhir ini adalah persengketaan antara kaum yang merangkumi isu hak kesamarataan, hak keistimewaan, isu agama, perbezaan ideologi politik serta persoalan tentang beberapa perkara sensitif dalam Perlembagaan. Ternyata ancaman dalaman seperti ini lebih bahaya dan serius berbanding anasir luar dan memandangkan melibatkan isu-isu sensitif maka ini perlu ditanganinya secara berhemah dengan segera.

Satu-satunya cara dan kaedah terbaik untuk menangani isu dalaman seperti ini adalah menyuburkan dan membudayakan kembali konsep pengorbanan

dan tolak ansur dalam diri setiap rakyat Malaysia.

Untuk itu, adalah tidak cukup jika hanya orang Islam sahaja yang menghayati konsep pengorbanan melalui Hari Raya Korban ini sebaliknya umat Islam negara ini wajib menghebahkan dan menjadi teladan kepada rakan-rakan dari agama dan kaum lain supaya turut sama menghayati dan membudayakan konsep pengorbanan mengikut konteks agama dan pegangan masing-masing dalam konteks dan semangat sebagai sebuah bangsa Malaysia.

Hal ini tidak mustahil berlaku kerana kita percaya semua agama menyeru ke arah kebaikan dan kesederhanaan melalui budaya pengorbanan dan tolak ansur mengikut amalan dan cara masing-masing.

Justeru apa yang diharapkan adalah bersempena dengan Hari Raya Korban ini yang masih dalam *mood* sambutan Hari Kebangsaan dan juga Hari Malaysia diharapkan semua kaum dan setiap individu rakyat Malaysia dapat bermuhasabah diri dan melihat kembali sejarah pembentukan negara ini. Marilah kita memasang azam dan tekad untuk berkorban apa jua demi ibu pertiwi ini.

Dan sebagai permulaan apa salahnya andai kita korbankan sedikit rasa ego, kepentingan dan kemahuan peribadi, rasa prasangka dan prejudis serta sifat ketamakan kita demi negara tercinta ini. Bersama-samalah menyuburkan kembali budaya pengorbanan dalam diri masing-masing agar negara ini terus aman dan makmur sepanjang masa.

Janganlah esok umpama sudah kecurian baru hendak mengunci pintu dan tanyalah pada diri masing-masing apa yang boleh dikorbankan untuk negara tercinta ini. Selamat Hari Raya Aidiladha kepada seluruh bangsa Malaysia.